



مجلس فريندران تايفيق

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Jalan Taming Sari
34000 Taiping
Perak Darul Ridzuan

Tel : 05-808 0777
Fax : 05-805 3000 / 806 8957
Email : mpt@mptaiping.gov.my
Laman Web : www.mptaiping.gov.my

JABATAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR

NOTIS / IKLAN SEBUTHARGA

SEBUTHARGA (PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP)

1. Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

NO.RUJUKAN TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN TAWARAN
MPT/JPPB/S/41/18	Tawaran Bagi Perkhidmatan : Cadangan Kawasan (Zon 1) Penyelenggaraan Landskap Bermula Dari Persimpangan Changkat Jering Hingga Persimpangan Hotel Meridien Untuk Majlis Perbandaran Taiping Bagi Tahun 2018 – 2020 (18 Bulan)	221002 (220402)	RM 50.00 Senaskah
MPT/JPPB/S/42/18	Tawaran Bagi Perkhidmatan : Cadangan Kawasan (Zon 2) Penyelenggaraan Landskap Bermula Dari Persimpangan Tol Kamunting Hingga Persimpangan Hotel Meridien Untuk Majlis Perbandaran Taiping Bagi Tahun 2018 – 2020 (18 Bulan)	221002 (220402)	RM 50.00 Senaskah

2. Naskah Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **18 Julai 2018** pada waktu Pejabat di Jabatan Perancangan dan Pembangunan Bandar, Tingkat 6, Wisma Majlis Perbandaran Taiping.
3. Dokumen Tawaran boleh disemak dan dibeli secara tunai sahaja mulai **23 Julai 2018** sehingga **06 Ogos 2018** di Jabatan Perancangan dan Pembangunan Bandar, Tingkat 6, Wisma Majlis Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan pada tarikh mengikut waktu biasa pejabat. Dokumen Tawaran tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh yang tersebut di atas.
4. Satu taklimat akan diadakan pada tarikh **23 Julai 2018, jam 10.00 pagi di Tingkat 7, Penthouse, Wisma Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping**. Kehadiran adalah diwajibkan bagi Kontraktor (Pemilik/Pengurus sahaja yang dibenarkan untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak) yang ingin memasuki tender/sebutharga ini. Dokumen Tawaran hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang menghadiri taklimat dengan mengemukakan Surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang yang dinyatakan. Proses pembelian boleh dilakukan oleh kontraktor / wakil kontraktor yang sah dan perlu mengemukakan surat wakil serta Surat Pendaftaran Asal dan Salinan Kementerian Kewangan Malaysia seperti yang diminta.
5. Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeterai. Nombor rujukan tawaran hendaklah dinyatakan dimuka depan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta dialamatkan

kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan di Jabatan Kewangan, Tingkat 1, Wisma Majlis Perbandaran Taiping pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada **06 Ogos 2018**. Dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak.

6. Bayaran dokumen tender tidak akan dikembalikan kepada Penender.
7. Majlis Perbandaran Taiping tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.



(SYAHRULNIZAM BIN BAHAROM)
Pengarah Perancangan Dan Pembangunan Bandar
b.p : Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Taiping,
Jalan Taming Sari,
34000 Taiping,
Perak Darul Ridzuan.

s.k Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Perak
No. 11 Lot Pt 138197
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak
(Fax : 05-2555207)

Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia
Negeri Perak,
Daerah Larut Matang & Selama, Taiping
Tingkat 1, Bangunan MARA, Jln Kamunting,
34600 Kamunting Perak.
(Fax : 05-8914460)

Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Taiping